Cabutan

"Kita telah melawat negara-negara komunis dan membuat persahabatan-persahabatan dengan mereka tetapi mereka tahu kita bukan Komunis…." Rajaratnam Menteri Luar Republik Singapura.

*

"Utusan Zaman"- akhbar lidah kerajaan, kata sebuah akhbar Inggeris di Karachi tatkala mengutip berita-berita dari utusan zaman.

*

"Walaupun konfrontasi telah tamat tidak bererti peruntukan pertahanan dikurangkan – Tun Abdul Razak.

*

"Kerajaan Malaysia akan mengkaji semula dasarnya terhadap kerajaan British untuk mensuaikan dengan dasar baru british terhadap negara-negara di timur Terusan Suez – Tun Dr Ismail.

*

"Lee Kuan Yew dalam masa lawatannya ke negeri-negeri Eropah Timur dan Barat dan ke sidang Parti-parti Sosialis Internasional telah menjalankan kempen memburukkan imej Malaysia dan pemimpin-pemimpinnya" – Senu Abdul Rahman

*

"Saya kurang yakin adakah syarikat Straits Times akan dapat mensuaikan diri dengan cita-cita nasional kalau pun sebahagian besar pemegang-pemegang saham dan penguasanya terdiri dari orang-orang tempatan" – Tun Dr Ismail

*

"Kita ketahui China telah melakukan penyusupan dan menimbulkan banyak masalah kepada negara kita pada masa-masa yang lalu. China mahu menjatuhkan kerajaan perikatan"- Tun Dr Ismail.

*

"Dasar kerajaan untuk menolong orang-orang melayu tidaklah pula beerti hak-hak orang-orang bukan melayu disentuh" - Tun Abdul Razak.

*

"Selama ini kita hanya mengenal satu macam perkhidmatan awam – perkhidmatan awam bentuk penjajahan. Bentuk penjajahan ini tidak lagi sesuai dengan kita sekarang dan kerana kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengubahnya" – Tun Abdul Razak.

*

"Malaysia sentiasa mahu berapat-rapat dengan Singapura tetapi pemimpin-pemimpin Singapura sentiasa menghalangi usaha ini" – Tun Abdul Razak.

*

"Tinggalkanlah sahaja cakap-cakap yang didengar dalam kedai kopi di dalam kedai itu juga dan jangan dibawa ke dalam dewan ini" – Tun Dr Ismail.

*

"Sidang Kemuncak Negeri-negeri Islam merupakan pakatan perbuatan *imperialis* yang bertujuan untuk menentang segala perjuangan pembebasan dan kemajuan sosial" – Anwar Farid Konsul Republik Arab Bersatu.

*

"Sidang kemuncak Islam yang diura-urakan oleh penaja-penajanya merupakan suatu komplotan semua golongan-golongan *re-actionary* untuk bekerjasama dengan *imperialist* dalam suatu garisan pertahanan untuk menahan kemaraan banjir revolusi dari negara-negara Arab yang progresif" – Anwar Farid.

*

Gamal Abdel Nasser telah mengumumkan bahawa ia akan mendudukkan tenteranya di Yaman dengan tidak ditentukan masanya - satu penjajahan dan kuasa tentera untuk membunuh orang-orang Islam Yaman – kata seorang penulis Inggeris.

*

Gamal Abdel Nasser menamakan negaranya Republik Arab Bersatu – ertinya Persatuan Negara-Negara Arab. Mulanya berdiri di Mesir dan kemudian tentunya dengan menjajah negara-negara lain dengan paksaan supaya bersatu – kata seorang penulis di Timur Tengah.

*

Radio Kaherah mengisytiharkan bahawa al-Malik Faisal menerima dari President Kennedy sebanyak 25 juta ringgit untuk perkembangan *al-Rabiṭah al-'Ālam al-Islāmiyah* menentang Komunis.

*

Sedikit masa dahulu al-Malik Faisal mengisytiharkan bahawa kerajaannya akan membeli dengan Tuni sebanyak 200

buah kapal terbang jet perjuangan. Amerika dan Britain berebut-rebut untuk menjual kapal terbang-kapal terbang kepada kerajaan Sa'udiyyah 'Arabiyyah kerana bayaran-bayaran tunai itu – kata sebuah akhbar Arab.

*

Republik Arab Bersatu telah meminjam sebanyak 9,800,00 dinar (£9,800,000) kepada kerajaan Kuwait kerana projek Terusan Suez.

*

Menjawab tuduhan-tuduhan kerajaan Sa'udiyyah mendapat 25 juta ringgit dari Amerika kerana *al-Rabiṭah al-'Ālam al-Islāmī* seorang berkata bahawa kerajaan Sa'udiyyah 'Arabiyyah mengeluarkan wang tunai kerana membeli kapal terbang begitu banyak dan tidak terdengar kerajaan Sa'udiyyah meminjam kepada negara-negara asing untuk perkembangan ekonominya seperti yang dilakukan oleh Republik Arab bersatu – logik.

*

Kerajaan Kuwait yang kecil tetapi kaya raya itu telah mengadakan satu *fund* kerana pembangunan ekonomi negara-negara Arab. Banyak negara-negara Arab yang meminjam kepada Kuwait termasuk Republik Arab Bersatu.

*

Dr Burhanuddin telah dilepaskan selepas Dato' Asri menyembah kepada Tengku Abdul Rahman bahawa Dr Burhanuddin sakit kuat dan nak meninggal dunia serta tidak berdaya lagi – Tun Dr Ismail.

*

Dr Burhanuddin setelah sembuh nampaknya akan difikirkan semula sama ada hendak menahannya balik, jangankan hendak menarik syarat-syarat pembebasannya – Tun Dr Ismail.

"Saya tidak bermaksud memimpin suatu gerakan mengasingkan Sarawak dari Malaysia. Jika Malaysia mahu menendang kami keluar, ini adalah suatu soal lain" – Kalong Ningkan.

*

"Kepahlawanan Hang Tuah merupakan kepahlawan yang tidak menguntungkan, kerana taat Hang Tuah serupa dengan ketaatan seekor anjing" – Dr Syed Hussein Al-attas.

*

Kerajaan Republik Arab Bersatu adalah anti sebarang pakatan tentera – Anwar Farid Konsul Negara Republik Arab Bersatu.

*

Apa yang diucapkan oleh Presiden Gamal Abdul Nasser mengenai sidang kemuncak Islam serupa dengan apa yang diucapkan oleh Tuan Koo Si Jin - Husein Fathani Duta Sa'udiyyah 'Arabiyyah.

*

Janganlah kita bergaduh sama sendiri dalam saat kita berusaha hendak bersatu. Jika kita bergaduh, inilah yang sangat dikehendaki oleh *imperialist* – Husein Fathani.

*

Adalah dikesalkan wakil Republik Arab Bersatu bercakap dalam majlis pertubuhan setiap kawan pro-Asia dengan melukakan hati saudaranya sendiri – Husein Fathani

*

Adalah dikesalkan Republik Arab Bersatu mendakwa sebagai negara berkecuali tetapi bercakap dan berfikir sealiran dengan Koo Si Jin - Husein Fathani.

*

Apakah hak Koo Si Jin bercakap tentang negara-negara Islam? – Tanya Husein Fathani.

*

"Di dalam perjuangan kebangsaan – kebangsaan Melayu – orang-orang keturunan Arab menunjukkan semangat yang lebih meluap-luap" – Utusan Melayu

*

"Di dalam perjuangan kemerdekaan, orang-orang keturunan Arab tidak pernah merasakan bahawa perjuangan kemerdekaan itu perjuangan orang-orang Melayu semata-mata tetapi adalah perjuangannya" - Utusan Melayu.

*

"Orang-orang keturunan Arab di dalam negeri ini meleburkan diri dan dileburkan ke dalam masyarakat Melayu" – Utusan Melayu.

*

"Sumbangan-sumbangan keturunan Arab kepada agama dan juga kepada perjuangan kebangsaan Melayu kebanyakannya lebih besar daripada sumbangan orang-orang Melayu sendiri. Ini adalah hakikat yang sebenarnya" – Utusan Melayu.

"Qalam Bahagian Tabligh"

Berhubunglah dengan telefon nombor 41118 bukan nombor 81114 sebagaimana tersiar di muka 38.